

27/10/2003

Malaysia miliki pemimpin dinamik

KUALA LUMPUR: Selain menjadi negara Islam contoh, Malaysia juga menjadi pembuka mata kepada seluruh dunia Islam melalui pemimpinnya yang memiliki ciri-ciri kepimpinan yang dinamik, kata seorang pemimpin Islam Australia semalam.

Abdul Quddoos Al-Azhari, pengerusi Majlis Imam Australia, berkata beliau

menemui banyak pemimpin Islam pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan

Islam (OIC) yang berlangsung di negara ini minggu lalu dan semua mereka mengiktiraf sumbangan besar Malaysia terhadap kemajuan Islam di seluruh dunia.

Katanya, kejayaan cemerlang yang dicapai Malaysia sebagai sebuah negara dan dalam semua bidang termasuk teknologi dan industri dapat dilihat dengan jelas oleh semua pemimpin OIC dan peluang yang diberi kepada negara ini untuk menerajui pertubuhan itu untuk tiga tahun akan datang memang tepat pada masanya.

"Allah menganugerahkan kepada Malaysia kepimpinan yang berkualiti dan berkebolehan melalui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pengganti beliau, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Kepimpinan seperti ini tidak terdapat di kebanyakan negara Islam lain," katanya dalam temu bual dengan Bernama di sini.

Abdul Quddoos, yang menghadiri sidang kemuncak itu sebagai pemerhati berkata: "Dr Mahathir banyak berjasa kepada ummah. Beliau adalah satu-satunya pemimpin di dunia Islam yang secara terang-terangan mempertahankan Islam kerana beliau memiliki keberanian untuk menyuarakan kebenaran tanpa teragak-agak atau takut."

Abdul Quddoos berkata, beliau yakin Abdullah juga mampu menjadi pemimpin bagi dunia Islam apabila beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri Malaysia Jumaat ini selepas Dr Mahathir melepaskan jawatan itu yang disandanginya selama 22 tahun.

Abdul Quddoos, yang juga pengetua Akademi Islam Darul Uloom Brisbane, berkata Abdullah berkunjung ke akademi itu tahun lalu semasa mewakili Dr Mahathir ke Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Queensland.

"Malah, beliau mengimamkan solat Jumaat di masjid kami dan menyampaikan khutbah. Ini memperkukuhkan lagi hubungan umat Islam antara kedua-dua negara.

"Umat Islam dari seluruh dunia melihat Malaysia sebagai model. Mereka meniru apa yang dilakukan oleh Malaysia. Pada Sidang kemuncak OIC, kebanyakan pemimpin Islam yang saya temui kagum dengan kejayaan Malaysia

dan apa yang dibuat oleh negara ini untuk Islam," katanya.

Beliau berkata, apa yang membezakan antara Malaysia dan negara Islam lain ialah negara ini mempunyai pemimpin yang berkualiti dan berkebolehan.

Abdul Quddoos berkata, banyak perkara yang boleh dipelajari oleh negara Islam lain daripada Malaysia di mana Islam berkembang dengan pesat di samping kemodenan dan demokrasi.

"Walaupun Islam diasaskan kepada prinsip demokrasi yang begitu luhur, namun apa yang menyedihkan ialah banyak negara Islam tidak memiliki sistem kerajaan yang demokratik," katanya.

Beliau berkata, kepimpinan baru di Malaysia yang akan diterajui Abdullah serta kedudukan negara ini sebagai pengerusi OIC mampu memperkukuhkan lagi pertubuhan itu serta kedudukan umat Islam yang sedang menghadapi masalah imej.

Abdul Quddoos juga mengucapkan terima kasih kepada rakyat Malaysia kerana sudi menghulurkan sumbangan bagi membiayai pembinaan masjid dan sekolah agama di Australia.